



AHLI delegasi sempat menghadiri Majlis Perasmian Pameran Homelands Centuries of Cham Migration di Muzium Seni Asia UM.

## KKE UMS jayakan Delegasi Ilmiah ke UPM dan UM

UB 19.4.2018 B2

KOTAKINABALU: Seramai 15 pemimpin pelajar Kolej Kediaman Excellent (KKE) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan Program Delegasi Ilmiah anjuran Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) KKE di Kolej Tun Dr Ismail Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kolej Kediaman Raja Dr Nazrin Shah Universiti Malaya (UM).

Pengarah Program Winnie Kabat berkata, delegasi ilmiah itu telah mewujudkan satu ruang perbincangan untuk berkongsi serta bertukar maklumat dan perkembangan

semasa di peringkat kolej kediaman masing-masing.

"Penganjuran program ini juga secara tidak langsung menjadi salah satu medium perantara untuk menjalinkan hubungan baik antara UMS dengan UPM dan UM," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau yang juga setiausaha merangkap Exco Perhubungan Luar Jakmas KKE berkata, peserta delegasi juga menghadiri majlis perasmian pameran Homelands Centuries of Cham Migration yang bertempat di Muzium Seni

Asia, UM.

"Pengalaman yang diperolehi sangat menarik dan bermanfaat untuk para peserta delegasi. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kolej Tun Dr Ismail, UPM dan Kolej Kediaman Raja Dr Nazrin Shah, UM kerana sudi menerima kunjungan Jakmas KKE UMS," katanya.

Turut mengiringi delegasi ialah Timbalan Pengetua KKE merangkap Penyelaras Program Mohd Hilmey Saili dan Pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS Mohamad Yasir Mijan.

UNIVERSITI MALAYA

20

18



GAMBAR kenangan bersama Persatuan Mahasiswa Sabah UM.